

LEGASI SEJARAH DAN TITIPAN BUDAYA JAMBI

Teks dan foto: Samiron Rahmat

Rumah Adat Minangkabau, rumah Adat Bali, rumah Batak dan Rumah Negeri Sembilan merupakan warisan rumah adat yang masih bertahan pada masa ini. Walaupun dalam era kemegahan seni bina strata moden dan kontemporari, warisan adat tersebut haruslah dipertahankan untuk tatapan generasi akan datang. Dalam sejarah Melayu ada menukilkan perihal Kerajaan Jambi yang terbina sekitar abad ke-4 hingga abad ke-13 yang berasal dari Sumatera, Indonesia. Lokasi geografinya sekitar 200 kilometer dari Palembang. Kerajaan Melayu Jambi juga mempunyai susur galur sejarahnya tersendiri dan percikannya tersebar sehingga ke Tanah Melayu.

Rumah Jambi merupakan satu daripada tinggalan sejarah bercirikan Melayu Sumatera yang masih kekal hingga hari ini. Di Kampung Laut, Pasir Gajah, Kemaman, Terengganu, terdapat sebuah rumah warisan yang masih tersergam gagah dan indah. Artifak yang terletak kira-kira 17 kilometer dari bandar Chukai, Kemaman itu menyimpan khazanah sejarah dan titipan seni budaya yang perlu diketengahkan sebagai beban bukti.

Menurut catatan pada replika informasi yang disediakan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK)

Pasir Gajah, rumah ini dibina atas daya usaha Engku Mahmud Tengku Abu Bakar. Beliau bersama-sama tiga beradik dan sepuluh




Pandangan hadapan rumah Jambi yang menampakkan struktur bangunan dan buah guntur pada bumbung limas bungkus.




Rumah sanak saudara yang didirikan berhampiran rumah Jambi milik Tengku Abd Jabar.

pengikut terpaksa melarikan diri setelah Kerajaan Melayu Jambi tumpas di tangan Belanda pada tahun 1914. Abangnya, Tengku Abdul Karim Tengku Abu Bakar merupakan Temenggung Kerajaan Jambi pada masa itu. Mereka telah berlayar ke Tanah Melayu menggunakan jalan air dan darat selama kira-kira tiga bulan.

Menurut pewaris terdekat yang memegang amanah menjaga tinggalan tersebut, iaitu Tengku Abd Jabar Haji Engku Mahmud,




Abang Yong bersama-sama Tengku Abd Jabar (kanan) di hadapan pintu utama rumah.



Bahagian sorong tamu yang masih mengekalkan struktur dan binaan asalnya.

68 tahun, pada ketika itu mereka menjadi buruan pihak Belanda dan terpaksa meninggalkan istana untuk keselamatan.

"Dahulu terdapat sungai yang masih berfungsi sebagai laluan utama, dan memudahkan pengangkutan ke tempat ini. Namun begitu, kini telah bertukar menjadi daratan dan hutan," katanya yang merupakan anak kelima Almarhum Engku Haji Mahmud daripada enam beradik. Beliau merupakan anak kepada Jemilah, iaitu isteri ketiga Almarhum.



Rumah ibu untuk perjumpaan dan mesyuarat keluarga.

Ketika ditemui, beliau juga bercerita mengenai proses pembinaan rumah Jambi yang keadaannya agak terbiar ketika ini. "Pembinaan rumah ini bermula sekitar tahun 1933 dan mengambil masa yang agak lama untuk disiapkan



Anak kelima Almarhum Engku Hj Mahmud, Tengku Abd Jabar, pewaris yang menjaga rumah Jambi ini.

memandangkan strukturnya daripada kayu balak yang besar dan memerlukan tenaga kerja yang ramai. Ada juga sebahagian bahan yang diimport dari negara luar," ujarnya sambil menunjukkan bahagian atas.



Carta salasilah Almarhum Engku Hj Mahmud Tengku Abu Bakar.

Tukang kayu yang membina rumah ini dibawa dari Chukai, Kemaman dengan bantuan pekerja tempatan. Oleh sebab kayu dan bahan yang digunakan untuk mendirikan rumah ini memerlukan tenaga yang ramai, beberapa bahagian rumah dibangunkan secara bergotong-royong dengan penduduk

setempat. Menurutnya, atap genting asal yang masih kekal itu dibawa dari Malibar, India melalui Singapura ke Kuala Kemaman. Dari sana, atap ini dibawa dengan menggunakan tongkang ke Pasir Gajah. Jangka masa keseluruhan untuk membawa atap sahaja mengambil masa selama dua tahun.

"Bentuk tanduk di bahagian perabung atap itu merupakan ciri tradisi masyarakat Jambi yang diabadikan di sini. Selain itu, reka bentuk bumbung pula bercirikan limas bungkus, yang juga ciri bumbung lama masyarakat Melayu."

Pada kerangka bangunannya pula, bahagian ini dibina daripada kayu balak yang diketam dan diusahakan menggunakan peralatan tradisional, seperti beliung, ketam, dan ketak. Kebanyakan kayu terdiri daripada kayu cengal yang tahan lama hingga sekarang. Walau bagaimanapun, tiang asal daripada kayu balak telah musnah dan digantikan dengan tiang konkrit pada tahun 2007 oleh pihak berwajib Terengganu. Terdapat 60 batang tiang semuanya. Bahagian bawah rumah memiliki kolong yang merupakan ciri rumah lama. Binaan asal rumah ini dikatakan didirikan tanpa menggunakan sebarang paku dan hasil kepakaran tukang tempatan sahaja.

Binaan rumah Jambi ini turut menerapkan ciri-ciri Islamik, iaitu terdapat lima bahagian utama rumah yang dikaitkan dengan rukun Iman. Bahagian tersebut ialah rumah ibu, rumah bandung, sorong tamu, beranda kanan, beranda kiri dan sorong dapur. Bentuknya kelihatan hampir sama jika dilihat daripada pandangan hadapan dan sisi. Sisip angin yang dibina membuatkan semilir memasuki ruang dan menjadikan keadaan tidak panas.

"Tetamu yang hadir secara kebiasaannya akan dibawa ke sorong tamu, sementara beranda kanan dan kiri digunakan untuk beristirahat. Ruang ibu yang lebih luas dan lapang digunakan untuk perjumpaan kaum kerabat yang diadakan pada hari-hari tertentu, seperti musim perayaan," tambah Tengku Abd Jabar.



Kolah lama dan bahagian kolong rumah Jambi.




Penulis (kanan) bersama-sama Tengku Abd Jabar, pewaris Keturunan Engku Hj Mahmud.

Sebelum menaiki tangga, terdapat sebuah kolah yang dahulunya digunakan untuk mencuci kaki sebelum naik ke rumah. Menurut seorang penduduk tempatan yang dikenali dengan panggilan Abang Yong, kolah merupakan perkara wajib yang mesti ada pada rumah Melayu dahulu. Terdapat dua pintu utama, iaitu pintu hadapan dan belakang atau di bahagian dapur. Pintu berdaun dua itu juga masih kelihatan kukuh dan malar segar. Lantai asal bahagian dapur pula sama paras dengan lantai ruang utama. Namun begitu, struktur itu kini telah digantikan dengan binaan baharu dalam usaha memuliharanya.

Menyentuh tentang jangka masa untuk menyiapkan keseluruhan bangunan ini, Tengku Abd Jabar menjelaskan bahawa kerja-kerja akhir berlaku sekitar tahun 1938 atau 1939. Rumah ini menjadi tempat berhimpun legasi kerabat istana kerajaan Jambi, seterusnya beranak-pinak dan berkahwin dengan penduduk tempatan. Seni bina dan struktur rumah ini jelas membuktikan kesan budaya yang pernah menjadi fakta sejarah di negara kita. Kesan budaya Melayu Jambi, Islam dan pengaruh Inggeris, di samping seni bina Melayu Nusantara, jelas terpapar dalam binaannya. Tiangnya yang setinggi enam kaki itu turut menjadikan rumah ini pusat pemindahan sementara jika berlaku kecemasan, seperti banjir pada musim tengkujuh.

Di samping bangunan Jambi, menurut Tengku Abd Jabar lagi, nama kampung ini juga berasal daripada peristiwa penghijrahan Temenggung Abd Karim, adik-beradik dan para pengikutnya. Oleh sebab hubungan baik antara kerajaan Jambi dan kerajaan Terengganu pada masa itu, Sultan Terengganu telah menganugerahkan Engku Haji Mahmud 1000 ekar tanah untuk dibangunkan.

Menurut Tengku Abd Jabar lagi, generasi pertama Almarhum, yang lebih dikenali dengan panggilan Hj Mahmud Jambi, berjaya



Almarhum Engku Hj Mahmud Abu Bakar.

mengusahakan sebahagian kawasan tersebut dan dijadikan penempatan baharu. Sanak-saudara mereka kemudian berkahwin dan menjadikan penempatan ini sebagai kampung mereka. Di sekeliling kawasan rumah Jambi itu telah didirikan beberapa buah rumah saudara keturunan Tengku. Binaan dan ciri-ciri rumah mereka juga mirip seni bina komuniti Jambi. Sebuah masjid juga dibina pada tahun 1939 yang turut menempatkan tapak perkuburan bagi keluarga generasi ini.

"Nama Pasir Gajah ini juga diambil bersempena dengan pembukaan kawasan ini. Ketika awal penerokaannya dahulu, terdapat alur sungai yang masih berfungsi. Saban hari ada beberapa ekor gajah bermain dan mandi di sungai yang berpasir tersebut. Pada waktu malam, gajah-gajah itu pun hilang. Lalu mereka menamakan tempat tersebut Pasir Gajah," jelas Tengku Jabar lagi.

Rumah Jambi merupakan warisan negara yang amat berharga. Justeru itu, usaha membaik pulih dan memuliharanya perlu diambil perhatian. Kerajaan Negeri Terengganu telah memasukkannya dalam kalendar pelancongan dan menjadi tempat yang patut dikunjungi oleh para pelancong. Di samping itu, usaha untuk menjadikannya sebagai bahan rujukan dan bangunan warisan tinggalan sejarah perlu ditingkatkan agar dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang.